skmaklagam.com

SULIT
011
Bahasa Melayu
PRAPERCUBAAN
JULAI
2008
50 minit

JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

011 - BAHASA MELAYU

TAHUN 6

Kertas 1

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* ***A, B, C*** *dan* ***D****. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian* **hitamkan** *jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

skmaklagam.com

skmaklagam.com

Arahan Am:
Tiap-tiap soalan diikuti jawapan empat pilihan jawapan **A, B, C** *dan* **D**. *Antaranya, ada* **satu** *sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan kamu pada kertas jawapan. Hitamkan ruangan yang sama dengan jawapan yang kamu pilih.*

Soalan 1 hingga Soalan 21

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **jawapan** *yang* **paling sesuai.**

1 Pengacara majlis telah membaca se _____ pantun semasa mengacarakan sambutan Hari Guru peringkat daerah.

A baris

B untai

C patah

D perenggan

Soalan 2 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

2 Seekor ular tedung yang memasuki ruang dapur rumahnya telah _____ oleh Pak Mat dan anaknya.

A dihentak

B dibelasah

C dirotan

D dipalu

skmaklagam.com

skmaklagam.com

3 Pasukan Bomba dan Penyelamat _____ mangsa yang hilang di Gunung Tebu dua hari yang lalu.

A bertemu

B ditemui

C menemui

D menemukan

4 Ribuan penonton _____ Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin untuk menyaksikan Majlis Perasmian Kompleks Sukan Gong Badak.

A melimpahi

B membanjiri

C menjejaki

D menduduki

Soalan 5 *berdasarkan* Gambar 2

Gambar 2

5 Pak Atan mengambil upah _____ pukat ketika musim tengkujuh.

A menjahit

B menyirat

C mengait

D menenun

skmaklagam.com

skmaklagam.com

6 Walaupun banglo itu dikatakan berhantu _____ Encik Lim sanggup menyewanya.

A tetapi

B dan

C telah

D kerana

Soalan 7 *berdasarkan* Gambar 3



Gambar 3

7 Dalam sebiji nangka itu, hanya lima _____ isi nya sahaja yang elok.

A biji

B ketul

C pangsa

D ulas

8 Cikgu Ramli sedang mengikuti kursus dalam bidang _____ di Institut Aminuddin Baki.

A urusan

B pengurusan

C pengurus

D menguruskan

skmaklagam.com

skmaklagam.com

9 Suara penyanyi itu sungguh _____ semasa mendendangkan lagu irama asli.

A gemersik

B garau

C merdu

D nyaring

10 Pemain-pemain badminton negara dipuji kerana kejayaan _____ melayakkan diri ke peringkat akhir Piala Thomas.

A kalian

B mereka

C kamu

D semua

Soalan 11 *berdasarkan* gambar 4



Gambar 4

11 Syafiq memikul _____ rotan untuk dijual kepada pengusaha perabot rotan di kampungnya.

A serumpun

B segulung

C seberkas

D sebatang

skmaklagam.com

skmaklagam.com

12 Perdana Menteri Thailand akan tiba di Malaysia pada bulan hadapan . _____ akan membuat lawatan rasmi selama dua hari.

A Dia
B Kami
C Mereka
D Beliau

Soalan 13 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

13 Petani itu sedang _____ di kebunnya yang terletak di tepi sungai.

A mencangkul
B bercangkul
C cangkulan
D dicangkul

14 Mimi masih belum pulang _____ hari sudah menjelang malam.

A malahan
B kecuali
C walhal
D tetapi

skmaklagam.com

skmaklagam.com

15 _____ , bukankah ayah sudah kata jangan panjat pokok jambu itu tetapi kamu degil !

A Wah
B Ah
C Oh
D Hai

Soalan 16 *berdasarkan* Gambar 6



Gambar 6

16 Beberapa orang _____ telah dipilih untuk memperagakan pakaian ciptaan terbaru pereka fesyen itu.

A peragawati
B olahragawati
C biduanita
D seniwati

17 Pak Mat telah mengikat tali tangsi pada _____ mata kail untuk memancing di kolam.

A sebatang
B sepucuk
C sebilah
D sebentuk

skmaklagam.com

skmaklagam.com

18 Kebanyakan pendatang tanpa izin yang berhijrah ke Malaysia datangnya _____ negara jiran.

A daripada
B dari
C ke
D di

19 Jurulatih pasukan bola baling itu _____ apabila mendapati pemain-pemainnya tidak bermain dengan bersungguh-sungguh.

A ambil angin
B ada angin
C makan angin
D naik angin

20 Layang-layang yang tersangkut pada tiang eletrik itu _____ apabila ditiup angin.

A terpontang-panting
B melambai-lambai
C bergegar-gegar
D meliang-liuk

21 "Berikan _____ sedikit makanan, " kata lelaki tua itu kepada Datuk Bendahara.

A beta
B kami
C patik
D hamba

skmaklagam.com

skmaklagam.com

22 Kebanyakan kebakaran yang berlaku disebabkan oleh **kecuaian** pengguna.

Perkataan seerti **kecuaian** ialah

A kerosakan

B kelalaian

C kemusnahan

D kelemahan

23 "Alia telah **dilantik** sebagai ketua kelas tarian Belia Harmoni.

Perkataan berlawan **dilantik** ialah

A disingkir

B diambil

C dikekal

D dilatih

Soalan 24.

Pilih **jawapan** *yang sesuai bagi* ayat tanya di bawah.

24 Adakah awak membeli barang-barang yang saya pesan semalam?

A Barang-barang itu akan saya beli.

B Entahlah, saya tidak pasti sama ada dibeli atau belum.

C Ya, barang-barang itu telah saya beli

D Belum pasti barang-barang itu dibeli.

Soalan 25

Pilih ***ayat tanya*** *yang sesuai bagi ayat di bawah.*

25 Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi disukai ramai kerana beliau seorang yang berdisiplin.

A Bagaimanakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?.

B Berapa lamakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?

C Di manakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?

D Bilakah Mawi dapat mengekalkan kehebatannya sebagai penyanyi?.

skmaklagam.com

skmaklagam.com

Soalan 26 - 27

*Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan*

26 Masa yang terluang selalu digunakan oleh Syahir membantu kerja-kerja ayahnya di sawah.

A Syahir memang suka membantu kerja-kerja ayahnya di sawah.

B Syahir selalu menghabiskan masanya dengan membuat kerja-kerja di sawah.

C Syahir selalu membantu kerja-kerja ayahnya di sawah jika dia mempunyai masa lapang.

D Ayah Syahir selalu menyuruhnya melakukan kerja-kerja di sawah sekiranya ada masa terluang.

27 "Izzat, tolong simpan bola-bola ini di dalam stor," kata Cikgu Rahmat.

A Izzat menolong Cikgu Rahmat menyimpan bola-bola ke dalam stor.

B Cikgu Rahmat menyuruh Izzat menyimpan bola-bola itu ke dalam stor.

C Cikgu Rahmat dan Izzat menyimpan bola-bola itu ke dalam stor.

D Cikgu Rahmat menyimpan bola-bola di dalam stor.

Soalan 28 - 29

*Pilih ayat- ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.*

28 **I** Badan nenek mulai <u>susut</u> setelah menghidap sejenis penyakit.

II Orang Islam dilarang memakai <u>susut</u>.

III Ah Leng terpaksa menjual kereta mewahnya kerana <u>susut</u> nilai.

IV Air dalam tasik itu mulai <u>susut</u> sejak musim kemarau.

A I, II dan III

B I, II dan IV

C I, III dan IV

D II, III dan IV

skmaklagam.com

skmaklagam.com

29 I Kehidupan petani bertambah cerah setelah menerima bantuan kerajaan

II Baju kurung yang berwarna cerah itu kepunyaan kakak.

III Air tasik itu cerah apabila disinari cahaya bulan.

IV Kawasan bukit-bukau itu cerah setelah diterokai.

A I, II dan III

B I, II dan IV

C I, III dan IV

D II, III dan IV

Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

30 I Setengah penduduk kampung suka tinggal berjiran.

II Kebersihan bilik darjah hendaklah sentiasa dijaga.

III Semua murid-murid prasekolah dikehendaki memakai tudung.

IV Hafizah memulangkan semula komputer riba itu kepada gurunya.

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

skmaklagam.com

skmaklagam.com

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kelab Pustakawan,
Sekolah Kebangsaan Seri Kemunting,
Jalan Kampung Selamat,
36800 Bidor, Perak.

Pengarah,
Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia,
Tingkat 17 Menara Dato' Onn,
Pusat Dagangan Dunia Putera,
50480 Kuala Lumpur. 10 Jun 2008

Tuan,

Memohon Risalah Pelancongan

Salam sejahtera. Merujuk perkara di atas, saya ingin mendapatkan risalah tentang *sektor* pelancongan untuk menambahkan bahan rujukan di perpustakaan sekolah ini.

2. Saya memerlukan bahan rujukan yang berkaitan dengan destinasi menarik yang terdapat di negara ini. Maklumat ini hendaklah merangkumi kawasan peranginan, pantai dan pulau yang menjadi tarikan para pelancong. Maklumat-maklumat yang terkandung dalam risalah ini dapat menambahkan pengetahuan sedia ada kami apabila hendak melancong suatu hari kelak.

3. Kelab Pustakawan juga menggunakan risalah ini sebagai rujukan untuk merancang lawatan sambil belajar yang diadakan setiap tahun dan juga mempelajari lokasi menarik semasa pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan di dalam bilik darjah.

4. Sehubungan itu, ahli kelab ini juga dapat menggunakan risalah tersebut untuk menceritakan keindahan Malaysia kepada para pelancong dalam negeri atau luar negara. Secara tidak langsung pihak kami dapat membantu kerajaan meningkatkan industri pelancongan di Malaysia sempena "Tahun Melawat Malaysia". Saya berharap permohonan ini dapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

Jamilah Othman

(JAMILAH BT OTHMAN)
Setiausaha,
Kelab Pustakawan,
Sekolah Kebangsaan Seri Kemunting,

skmaklagam.com

skmaklagam.com

31 Siapakah yang menerima surat tersebut?

A Ahli Kelab Pustakawan
B Jamilah bt Othman
C Para pelancong dalam negeri dan luar negara
D Pengarah Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia

32 Apakah tujuan utama risalah pelancongan dipohon?

A Dapat mengetahui destinasi-destinasi menarik
B Menambah bahan rujukan di perpustakaan
C Membantu industri pelancongan di Malaysia
D Mengetahui lokasi kawasan peranginan, pantai dan pulau

33 Perkataan *sektor* dalam petikan bermaksud

A kegiatan
B kedudukan
C Keindahan
D kemajuan

34 Risalah pelancongan akan dihantar kepada

A Industri Pelancongan Malaysia
B Setiausaha Kelab Pustakawan
C Pengerusi Kelab Pustakawan
D Guru Kajian Tempatan

35 Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan petikan

A Surat ini ditulis oleh setiausaha Kelab Pustakawan
B Risalah pelancongan dapat merancang lawatan
C Menjual risalah kepada para pelancong
D Membantu memperkenalkan kawasan pelancongan

skmaklagam.com

skmaklagam.com

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Susan : Hello! Boleh saya bercakap dengan Kumala?

Kumala : Kumala bercakap di sini.

Susan : Hello, Kumala, apa khabar? Susan di sini. Adakah Rina menjemput awak ke majlis perkahwinan kakaknya?

Kumala : Khabar baik. Ya, ada. Bukankah majlis itu akan diadakan pada hari Jumaat ini?

Susan : Ya. Dia juga telah menjemput saya. Saya rasa tentu dia telah menjemput kawan-kawan kita yang lain.

Kumala : Saya agak begitu juga. Saya berasa sangat gembira kerana inilah kali pertama saya berpeluang melihat majlis perkahwinan orang Melayu. Bagaimana pula dengan awak, Susan?

Susan : Ya, tentu majlis perkahwinan itu meriah. Tidak sabar rasanya hendak menunggu pada hari Jumaat ini. Saya ingin benar melihat *mempelai bersanding di atas pelamin*. Tentu sama cantik sama padan bak kata peribahasa "Seperti pinang dibelah dua".

Kumala : Sudahkah awak membeli hadiah untuk kakaknya, Susan?

Susan : Sudah, Kumala. Bagaimana dengan awak?

Kumala : Belum lagi. Bagaimana kalau awak temankan saya pergi ke bandar pagi esok? Awak boleh tolong saya memilih hadiah yang sesuai.

Susan : Bagus juga begitu. Di manakah awak akan menunggu saya?

Kumala : Saya akan tunggu awak dekat bangunan Perpustakaan Negeri. Kita akan berjumpa di situ pada jam 9.00 pagi.

Susan : Maafkan saya, Kumala. Bagaimana kalau kita jumpa di situ pada jam 11.00 pagi esok kerana saya terpaksa menolong ibu di rumah terlebih dahulu.

Kumala : Baiklah, saya akan tunggu awak pada jam 11.00 pagi esok. Oh, ya! Sudahkah awak membaca buku cerita "Murid Cemerlang" yang saya pinjamkan kepada awak?

Susan : Sudah, Kumala. Ceritanya menarik sekali. Saya sungguh kagum dengan kegigihan Liana seorang murid kurang upaya. Baiklah Susan, saya akan pulangkan buku itu kepada awak pada pagi esok.

Kumala : Terima kasih, Susan. Kita jumpa lagi esok.

Susan : Sama-sama, Kumala.

skmaklagam.com

skmaklagam.com

36 Mengapakah Susan menelefon Kumala?

A Mengajak pergi ke bandar
B Hendak membeli hadiah
C Ingin kepastian jemputan Rina
D Memulangkan buku ceritanya

37 Susan tidak sabar menunggu pada hari Jumaat kerana

A hendak berjumpa dengan Kumala
B memberi hadiah kepada kakak Rina
C meminjam buku di Perpustakaan Negeri
D melihat majlis perkahwinan orang Melayu

38 Siapakah murid cemerlang?

A Rina
B Kumala
C Liana
D Susan

39 Pilih pernyataan **yang benar** berdasarkan petikan

A Kumala dan Susan akan berjumpa pada jam 9.00 pagi
B Kumala mengajak Susan pergi ke bandar
C Susan belum membeli hadiah untuk kakak Rina
D Susan meminjam buku cerita daripada Kumala

40 Apakah maksud rangkai kata *mempelai bersanding di atas pelamin*

A pengantin duduk berdampingan di tempat khas
B pengantin makan bersama di meja khas
C pengantin bergambar sebagai kenangan
D pengantin duduk bersama dengan ahli keluarga

KERTAS SOALAN TAMAT

skmaklagam.com